

25/06/1998

Pemilihan Ismail bukan nepotisme

KANGAR, Rabu - Pemimpin Barisan Nasional (BN) berpendapat pemilihan Ismail Kassim, iaitu adik Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai calon pilihan raya kecil Parlimen Arau tidak menggambarkan wujud unsur nepotisme dalam parti.

Sebaliknya mereka yakin calon muda yang diketengahkan mampu membawa kecemerlangan kepada parti pada masa depan.

Menurut mereka, pemilihan Ismail, 38, berdasarkan pertimbangan dan merit yang lebih baik berbanding senarai nama lain yang dicadangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru, mereka berpendapat tidak timbul soal nepotisme seperti yang digembar-gemburkan pembangkang semata-mata Ismail adalah adik kepada Menteri Besar.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad yakin BN akan mengulangi kejayaan tetapi perlu bekerja keras untuk meningkatkan majoriti kemenangan berbanding pilihan raya umum lalu.

"Calon BN adalah tokoh muda yang berkaliber tapi pembangkang sengaja menimbulkan isu nepotisme kerana beliau adalah adik Shahidan. Perlu dijelaskan, pemilihan dibuat oleh Dr Mahathir berdasarkan kemampuan dan kewibawaan.

"Mengambil tokoh muda sebagai calon juga sangat baik kerana selain penghargaan kepada Pemuda, ia melatih golongan itu untuk memimpin Umno dan BN pada masa depan," katanya.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, pula berkata bagi mengekalkan penguasaan BN di Parlimen Arau, pihaknya yang bertanggungjawab terhadap tiga peti undi sudah menyusun beberapa strategi.

(END)